

11 JAN 2002

Mahathir-PAS

MENIDAKKAN KEBENARAN AMALAN BIASA BAGI PAS, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata perbuatan PAS menidakkan kebenaran dengan menganggap sesuatu perkara itu sebagai sandiwara atau konspirasi, merupakan amalan biasa bagi parti pembangkang itu.

"Kerana (sesuatu) benda itu benar-benar terjadi, dia cuba nak menidakkan kebenaran. Tetapi bagi PAS, menidakkan kebenaran adalah amalan biasa. PAS tak pernah mengaku kebenaran, dia sanggup berbohong," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Dewan Muda, sayap baru Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) di sini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Naib Presiden PAS Datuk Mustafa Ali yang dilaporkan berkata yang menjadi sandiwara bagi parti itu dalam peristiwa berdarah di Sauk, Perak tahun lepas ialah rompak senjata di kem tentera sebelum kejadian itu dan bukan pembunuhan dua anggota pasukan keselamatan dalam peristiwa itu. PAS sebelum ini berpendirian seluruh episod itu adalah satu sandiwara kerajaan.

Dr Mahathir berkata: "Saya nak tahu siapa yang lakukan rompak senjata itu. Kalau dia orang yang sama, macam mana dia nak kata itu adalah satu sandiwara sedangkan senjata itulah yang digunakan untuk membunuh orang.

"Cara putarbelit (PAS) ini saya tak berapa fahamlah. Tetapi rompak senjata itu adalah awalan kepada pembunuhan seorang anggota polis dan seorang anggota tentera ini."

Pada 27 Dis lepas, 19 anggota kumpulan Al-Ma'unah yang terlibat dalam kejadian di Sauk didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dengan tiga pemimpin utamanya dijatuhi hukuman mati atas tuduhan melancarkan peperangan terhadap Yang di-Pertuan Agong.

Dr Mahathir juga diminta mengulas pendedahannya dalam temuramah khas yang disiarkan dalam majalah Jepun "Chuokoron" bahawa 50 rakyat Malaysia dikenal pasti mempunyai hubungan dengan rangkaian pengganas Al-Qaeda pimpinan Osama bin Laden yang didakwa Washington mendalangi serangan 11 Sept di Amerika Syarikat.

"Kita dapat maklumat selepas rompak (Southern) bank, seorang daripada perompak itu telah disoalsiasat oleh polis. Daripada punca itu kita dapat tahu bahawa yang melakukan pembunuhan wakil rakyat (Lunas Dr Joe Fernandez), cuba serang balai polis di Guar Chempedak terdiri daripada kumpulan ini.

"Selepas itu kita dapat kenal pastilah siapa dan kita tahan di bawah ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri). Sekarang ini saya tak tahu berapa orang."

Ditanya sama ada ia ada hubungkait dengan Kumpulan Militan Malaysia (KMM), Dr Mahathir berkata: "Ya, mereka ini satu kumpulan tetapi bahagian lain. Dia guna sistem cell (bahagian). Satu cell itu tak tahu cell yang ini."

Apabila ditanya sama ada mereka yang terbabit akan dihadapkan ke mahkamah, beliau berkata dalam kes jenayah yang jelas seperti pembunuhan anggota Dewan Undangan Negeri itu, "jika kita mempunyai bukti yang cukup, kita akan membicarakan mereka".

Mengenai isu keengganan bekas penuntut institusi pengajian tinggi, khususnya penuntut Melayu, membayar balik pinjaman pelajaran Dr Mahathir berkata perbuatan seperti itu akan menjejaskan imej masyarakat Melayu.

"Jika anda mempunyai sikap seperti itu, sudah pasti anda tidak akan berjaya. Jika anda tidak mahu membayar balik, lain kali jika anda mahu

meminjam, anda tidak akan dapat (apa-apa pinjaman). Dan bukan sahaja itu, oleh kerana sikap mereka itu, seluruh masyarakat yang merana," kata beliau.

Beliau berkata oleh kerana perbuatan orang seperti ini, bank-bank mungkin hilang kepercayaan dan tidak lagi akan memberikan pinjaman.

"Sekarang saya dapati apabila orang Melayu ke bank untuk pinjam wang, dia kata ni orang Melayu datang. (Ia) kerana mereka hilang kepercayaan kerana perbuatan orang seperti ini (yang tidak membayar hutang). Anda tidak hanya boleh mementingkan diri sendiri tetapi juga masyarakat anda," kata beliau lagi.

Dr Mahathir berkata demikian apabila diminta mengulas laporan yang hanya RM100 juta daripada RM2 bilion yang dipinjamkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam kepada lebih 100,000 penuntut sejak 1987 yang telah dibayar sehingga ini.

-- BERNAMA

MAM AHH PR